

UnISZA dedah pelajar pada alam kampus

UNIVERSITI Sultan Zainal Abidin (UnISZA) merupakan antara universiti awam yang sentiasa menjalin hubungan dengan komuniti setempat termasuklah dengan sekolah.

Misalnya, baru-baru ini Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman (SMKSS), Kuala Terengganu dipilih sebagai lokasi pertama Kelab Mahasiswa Kewangan UnISZA untuk memperkenalkan pelajar sekolah berkenaan dengan alam

pembelajaran kampus.

Program ini mendapat kerjasama Unit Kaunseling SMKSS dan semua aktiviti diadakan di Dewan Gemilang sekolah tersebut.

Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan UnISZA, Dr Shukri Mohamad Jusoh turut hadir memeriehkan majlis. Pengarah program, Nur Hidayah Mohamad Pison berkata, kelab berkenaan sentiasa berusaha menghidupkan budaya sosial yang sihat dengan

melibatkan golongan pelajar dalam pelbagai aktiviti yang menjurus kepada sistem gaya hidup yang bermakna.

Program sehari kelab bersama sekolah ini disertai 50 pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima. Ia turut mendapat bantuan daripada pensyarah fakulti, Farah Amalina Mohd Nawî yang sentiasa bersama ahli kelab demi memastikan kelangsungan program berjalan sempurna.



Farah (berdiri, tengah) memantau perjalanan bengkel.

SINAR HARIAN 27/05/2015